

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini usaha menaik taraf status 5,000 guru KAFA yang memiliki diploma dan ijazah ke perjawatan tetap.

**JAWAPAN:** (YB PUAN HAJJAH FUZIAH SALLEH, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan hari ini menghargai segala sumbangan dan peranan guru KAFA dalam pendidikan al-Quran dan Fardhu ain. Kelas KAFA ini sendiri menyumbang kepada generasi celik al-Quran dan membasmi kadar buta al-Quran yang agak tinggi.
2. Walaupun perkembangan pendidikan KAFA dilihat sangat positif, namun wujud isu-isu tertentu terutama melibatkan perjawatan guru dan penyelia KAFA dilihat masih terabai sejak penubuhannya 29 tahun yang lalu. Kebanyakan isu tersebut pernah mendapat teguran oleh Jabatan Audit Negara dalam laporan audit jabatan berkenaan pada tahun 2014 yang mngesyorkan supaya dilaksanakan satu kajian/ penilaian semula yang menyeluruh terhadap pelaksanaan program KAFA dengan memberi tumpuan kepada masalah yang sering berbangkit seperti pencapaian outcome serta menentukan faktor yang memberi kesan kepada kecekapan

## **NO. SOALAN : 8**

dan keberkesanan program dan seterusnya merangka pelan jangka panjang untuk penambahbaikan program ini.

3. Berdasarkan kepada perkara di atas, JAKIM telah menubuhkan Task Force yang diketuai oleh YB Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah melibatkan agensi-agensi seperti Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tujuan penubuhan pasukan khas ini adalah untuk mengkaji dan menyemak serta mencadangkan semula tugas serta tanggungjawab guru dan penyelia KAFA secara bersama.
4. Hasil daripada dapatan task force tersebut, KAFA perlu distrukturkan semula, di antaranya ialah hari pembelajaran daripada 3 hari kepada 5 hari, kemudian melihat semula kepada kurikulum dan keberhasilan pelaksanaan, kemenjadian murid, pembentukan peribadi dan pembentukan nilai dalam diri murid. Ini memerlukan kepada latihan guru yang intensif serta pedagoginya, alat bantu mengajar, premis bagi memenuhi aspek keguruan serta mewujudkan Memorandum of Understanding (MoU) bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan agensi-agensi lain berkaitan.
5. Berdasarkan penemuan-penemuan yang disebutkan, kerajaan berhasrat untuk melihat kebajikan guru KAFA diberi perhatian serius. Namun, oleh kerana kekangan dasar pada hari ini yang melibatkan dasar perkhidmatan awam yang kejat, maka secara langsung, guru-guru KAFA juga tertakluk kepada dasar ini. Akan tetapi, ini tidak bermaksud usaha kita terhenti sehingga setakat ini. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkasakan pendidikan KAFA termasuk kebajikan guru-guru KAFA.

Sekian, terima kasih.